

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 8/2025 BIL. 24

# Inspirasi



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اوتوريسيتي كئديتيدفن سلطان ادرس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENERAJU  
KEBETARAAN  
PENDIDIKAN

قروبو عبهتاران كئديتيدفن

SITC • MPSI • IPSI • UPSI • 1922-2022



## Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan empat bulan sekali berkonsepkan inspirasi dan eksplorasi untuk santapan pembaca

### Keluaran 8/2025 Bil. 24

Ogos 2025

ISSN 1823-9331

#### SIDANG EDITORIAL

Prof. Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

#### WARTAWAN

Ramli bin Mosmin

YM Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja Hassan

Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

Ahmad Zhafran bin Mohd Anuarul

Azhar

Bazli bin Abdul Razak

#### JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

#### REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

#### KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

#### TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

#### BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris


35900 Tanjong Malim

Perak

Emel: [ccd@upsi.edu.my](mailto:ccd@upsi.edu.my)

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



Pejabat Karang Mengarang




**Logo UPSI** berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

**Bangunan Suluh Budiman** dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



**Garisan lengkung** di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



**Warna emas cerah** melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

## PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

**Peneraju Kebitaraan Pendidikan** Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

## قنراجو كبيتارآن قنديدقن

**Peneraju Kebitaraan Pendidikan** Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

## Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Dengan sukacitanya, kami mempersembahkan terbitan baharu buletin ini sebagai medium maklumat dan komunikasi utama kepada seluruh warga

universiti. Buletin ini diterbitkan sebagai usaha berterusan untuk menyampaikan berita terkini, mengetengahkan pencapaian, serta melaporkan aktiviti-aktiviti menarik yang berlangsung dalam kalangan warga kita.

Saya amat berbangga dapat bekerjasama dengan pasukan editorial yang begitu berdedikasi dan berkaliber dalam memastikan kualiti serta relevannya setiap penerbitan. Komitmen dan titik peluh mereka dalam mengumpul, menyunting dan menyampaikan maklumat yang bermutu amat dihargai. Setiap keluaran buletin ini adalah bukti nyata akan kesungguhan dan kerjasama erat pasukan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terus menyokong usaha murni ini. Kami berharap setiap artikel, laporan dan perkongsian dalam buletin ini dapat memberikan manfaat, inspirasi serta meningkatkan semangat kejayaan dalam kalangan pembaca.

Kami akan terus berusaha dengan komitmen yang tinggi untuk memastikan setiap edisi buletin ini sentiasa berkualiti, relevan, dan memenuhi keperluan maklumat para pembaca.

Akhir kata, selamat membaca! Semoga buletin ini menjadi sumber maklumat yang bermakna serta dapat memotivasi kita semua untuk terus maju bersama.

Sekian, terima kasih.



PROFESOR DR. MOHD  
IZWAN SHAHRIL

**NAIB CANSELOR**



**PROFESOR DATO' DR.  
MD AMIN MD TAFF**

# Satu Hati, Satu Semangat Demi UPSI

## **Assalamualaikum WBT dan Salam Seabad Ibu Kandung Suluh Budiman**

Hari Keluarga di UPSI bukan sekadar program santai biasa ia adalah lambang kesatuan, silaturahim dan semangat kekeluargaan yang kukuh dalam kalangan seluruh warga UPSI. Program ini merupakan ruang berharga untuk kita mengukuhkan hubungan, membina kepercayaan dan suburkan semangat kekitaan yang menjadi teras dalam organisasi kita. Marilah kita raikan hari ini dengan penuh kegembiraan dan keharmonian.

Kita semua adalah satu keluarga besar UPSI yang berdedikasi. Dalam keluarga ini, setiap daripada kita memainkan peranan penting sebagai pendidik yang tidak hanya membentuk masa depan pelajar, tetapi juga menyemai nilai-nilai

murni dalam diri bersama. Keakraban antara kita adalah tunjang kekuatan yang tidak ternilai dalam mencapai matlamat bersama.

Budaya kerja berpasukan yang hebat bermula dengan hubungan baik sesama kita. Melalui Hari Keluarga ini, kita boleh membina jalinan mesra, saling mengenali dan memahami antara satu sama lain dengan lebih dekat. Apabila kita bekerjasama dengan penuh kejujuran dan rasa hormat, segala cabaran dapat diatasi dengan lebih mudah.

Keluarga besar UPSI adalah nadi jitu yang menjana kekuatan institusi ini. Semangat kekeluargaan yang kita pelihara akan menjadi asas untuk UPSI terus unggul dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa. Tiada kejayaan boleh diraih tanpa kesatuan dan sokongan padu daripada semua warga UPSI.

Budaya kerja berpasukan, sikap saling menyokong, dan perluasan jaringan kenalan merentas fakulti

serta jabatan, semua ini tercapai melalui interaksi mesra dan program seperti Hari Keluarga.

Marilah kita terus eratkan silaturahim untuk memupuk semangat kerjasama dan saling menghargai yang kuat dalam komuniti kita. Teruslah menyumbang dengan ikhlas dan penuh semangat dalam setiap tugas dan tanggungjawab.

Hari ini kita bergembira bersama, esok kita terus melakar kecemerlangan bersama. Ingatlah, UPSI unggul kerana warganya bersatu, bekerja sebagai satu keluarga yang tidak mudah dipisahkan. Bersama kita maju jaya!

Sekian, terima kasih.

#DemiUPSI

# Inspirasi Keluaran ini

## Inspirasi Pentadbir

Perjalanan kerjaya Puan Safna binti Asaruddin adalah kisah ketabahan dan keikhlasan dalam menabur bakti. Bermula sebagai Pembantu Muzium hingga menjawat jawatan Timbalan Pendaftar Kanan di UPSI, beliau meniti lebih tiga dekad penuh cabaran dengan semangat yang tidak pernah pudar. Berbekalkan ilmu, dedikasi dan cinta terhadap bidang warisan serta pendidikan, beliau menjadi simbol inspirasi seorang wanita berjiwa kental yang berkhidmat dengan hati dan keazaman.

10



## Inspirasi Alumni

Ng Zhen Fan Shankar ialah cerminan generasi muda berwawasan, seorang pemimpin yang membina legasi melalui keberanian, empati dan amanah. Dari UPSI hingga ke pentas antarabangsa, beliau membuktikan bahawa kepimpinan sejati lahir daripada semangat untuk berbakti. Berasal dari keluarga berbilang budaya, Shankar menyalurkan nilai perpaduan, tanggungjawab dan kasih sayang dalam setiap langkah perjuangannya.

16



## Eksplorasi Muallim

Dalam kesunyian lorong kampung, tersembunyi sebuah rahsia yang sentiasa dicari-cari; Nasi Kerabu Misteri. Tanpa papan tanda, tanpa iklan megah, kedai kecil ini berdiri berbekalkan kejujuran rasa dan kasih sayang keluarga. Dari dapur kecil seorang ibu hingga menjadi tumpuan ramai, kedai sederhana ini berdiri atas nilai kasih dan ketabahan. Nasi Kerabu Misteri membuktikan bahawa keikhlasan lebih kuat daripada strategi, meskipun tersorok dari pandangan namun tak pernah hilang dari ingatan.


22



## Tokoh Muallim

Lahir di Behrang Ulu, Tanjong Malim, Ahmad Boestamam merupakan tokoh nasionalis yang berani menentang penjajahan dan memperjuangkan suara rakyat marhaen. Dikenali sebagai penulis, wartawan dan pemimpin gerakan kiri Melayu, beliau membawa semangat perjuangan dari akar desa hingga ke pentas kebangsaan. Kisah hidupnya mencerminkan keteguhan, idealisme dan cinta mendalam terhadap kemerdekaan bangsa..

# 26



## Inspirasi Akademia

Daripada bidang ketenteraan ke menara ilmu, Profesor Dr. Azmil bin Hashim membuktikan bahawa disiplin dan keilmuan mampu berpadu membentuk kepimpinan berwibawa. Anak jati Kuala Kangsar ini pernah berkhidmat dalam Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia sebelum menjadi tokoh penting yang memartabatkan pendidikan tahfiz di arus perdana. Institut Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami (IPTTI) di UPSI, bukti perjuangan gigih beliau untuk melahirkan generasi hafiz berilmu, berwawasan dan berjiwa pemimpin.

# 30



## 34 Wira kita

Figura inovatif di sebalik pelbagai sistem dan perisian yang memperkasa dunia digital UPSI, Ts. Abdul Mueiz bin Rosli yang juga anak jati Tanjong Malim Berjaya mengemudi pasukannya dengan semangat luar biasa. Pernah menolak peluang besar di sektor swasta demi berbakti kepada tanah kelahiran sendiri. Kisahnya mencerminkan dedikasi, kecintaan terhadap institusi dan tekad seorang insan biasa yang mencipta perubahan luar biasa dalam landskap pendidikan negara.





اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

# Dari Muzium Negara ke UPSI: Kisah Dedikasi Safna Asaruddin



**Oleh:**  
Mohd Razalli bin Ahmad  
Termizi  
razalli@upsi.edu.my

Setiap individu mempunyai jalan yang berbeza di dalam perjalanan kerjaya mereka. Bagi Puan Safna binti Asaruddin, Pegawai Tadbir N13 di Institut Peradaban Melayu (IPM), UPSI, pengalamannya bermula sebagai Pembantu Muzium sehingga menjadi Timbalan Pendaftar Kanan melangkaui tiga dekad yang penuh dengan cabaran, pengorbanan serta pencapaian yang membanggakan.

## LATAR BELAKANG

Puan Safna binti Asaruddin dilahirkan pada 22 Julai 1967 di Kampung Sentosa, Batang Kali, Selangor. Beliau kini berusia 58 tahun telah berkeluarga serta

dikurniakan tiga orang cahaya mata. Perjalanan kerjaya beliau bermula di Jabatan Muzium Malaysia, di mana beliau menabur bakti dalam bidang permuziuman dan kuratorial sebelum meneruskan khidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sepanjang perkhidmatan, beliau menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap bidang warisan, pendidikan dan pengurusan muzium.

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Kejayaan Puan Safna dalam kerjaya juga disokong oleh latar belakang pendidikan yang kukuh. Beliau memulakan pendidikan formal dengan memperoleh Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pada tahun 1982, diikuti dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1984 dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 1986. Usaha beliau untuk terus meningkatkan ilmu tidak terhenti di situ, apabila beliau menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi walaupun sudah bekerja.

Pada tahun 2001, beliau memperoleh Diploma dalam Pentadbiran Awam, dan seterusnya melengkapkan pengajian di peringkat Ijazah

Sarjana Muda Sains dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia pada tahun 2004. Tidak cukup dengan itu, beliau turut menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dan berjaya menamatkan Ijazah Sarjana Pendidikan dalam bidang Pengurusan Pendidikan pada tahun 2015. Ini mencerminkan sifat beliau yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan dan peningkatan diri demi kemajuan kerjaya serta organisasi.

Sejak zaman persekolahan lagi beliau sudah menaruh minat mendalam terhadap sejarah. Keputusan cemerlang dalam subjek tersebut di peringkat SPM menjadi titik tolak beliau menceburi dunia pemuziuman ini.”

## PERJALANAN KERJAYA

Puan Safna memulakan kerjaya beliau dalam bidang muzium dan warisan dengan penuh dedikasi serta komitmen tinggi terhadap usaha pemeliharaan khazanah budaya negara. Perjalanan kerjaya beliau memperlihatkan perkembangan yang konsisten dan signifikan dalam dunia permuziuman di Malaysia.

---

## INSPIRASI PENTADBIR

---

Kerjaya beliau bermula pada 17 Julai 1990 apabila beliau dilantik sebagai Pembantu Muzium di Jabatan Muzium Malaysia. Dalam tempoh lebih satu dekad berkhidmat, beliau menunjukkan kecekapan dan semangat kerja yang tinggi sehingga dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Muzium Kanan pada 1 Februari 2001 di jabatan yang sama.

Tidak lama kemudian, atas kecemerlangan prestasi dan pengalaman luas dalam bidang pengurusan pameran serta konservasi artifak, beliau dinaikkan pangkat

ke jawatan Penolong Kurator pada 4 September 2001. Kecemerlangan ini diteruskan apabila beliau sekali lagi menerima kenaikan pangkat sebagai Penolong Kurator Kanan pada 1 Disember 2003. Dengan latar belakang pengalaman yang kukuh, Puan Safna kemudiannya berhijrah ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan mula bertugas sebagai Kurator pada 3 April 2006.

Pada 1 Januari 2015, beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Kurator Kanan

di Muzium Pendidikan Nasional (MPN), UPSI. Kecemerlangan kepimpinan dan sumbangan beliau terhadap pembangunan muzium diteruskan apabila dilantik sebagai Pengarah MPN pada 1 September 2016.

Seterusnya, Puan Safna diberi kepercayaan untuk memegang jawatan Timbalan Pendaftar Kanan di Institut Peradaban Melayu (IPM), UPSI, berkuat kuasa pada 1 Oktober 2022. Pelantikan ini membuktikan keupayaan beliau bukan sahaja dalam bidang permuziuman, malah



dalam aspek pengurusan dan pentadbiran institusi akademik.

### **KURSUS DAN LATIHAN PROFESIONAL**

Sepanjang perkhidmatannya, Puan Safna telah diberi peluang mengikuti pelbagai kursus profesional di luar negara, yang telah memperkayakan pengetahuan serta kepakaran beliau, khususnya dalam bidang sejarah dan arkeologi.

Pada tahun 1993, beliau menghadiri kursus The Second Exploration of Historical and Cultural Sites of ASEAN di Indonesia, yang memberikan pendedahan mendalam tentang sejarah dan budaya negara-negara ASEAN. Dua tahun kemudian, beliau menyertai SPAFA Training Course on Archaeological Pottery Analysis di Bangkok, Thailand, yang memberi fokus kepada analisis arkeologi khususnya berkaitan tembikar.

Penyertaan beliau dalam kursus-kursus ini telah memperkukuh kepakaran beliau dalam bidang kuratorial dan arkeologi serta membolehkan beliau menyumbang secara lebih signifikan dalam pemeliharaan dan dokumentasi khazanah negara.



### **MUZIUM PENDIDIKAN NASIONAL (MPN)**

Di UPSI, beliau sangat menyerlah sebagai tokoh penting dalam pengurusan muzium moden yang berfokuskan pendidikan. Idea asal penubuhan MPN adalah daripada Dato' Wira Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohammad Noor bin Haji Salleh, Naib Canselor UPSI ke-dua (2001-2004). Ia diteruskan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Aminah Ayob, Naib Canselor UPSI ke-empat

(2007- 2011). MPN berkonsep dokumentasi sejarah pendidikan negara dan selari dengan peranan SITC-MPSI-IPSI-UPSI. MPN merupakan muzium pendidikan yang pertama di Malaysia.

### **PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENYELIDIKAN**

Puan Safna terlibat secara langsung dalam kerja-kerja baik pulih bangunan bersejarah seperti Bangunan Suluh Budiman dan Bangunan Rumah Pengetua

SITC, termasuk mengisi dan merancang kandungan 21 buah galeri muzium. Selain fizikal, beliau turut membantu menguruskan pelbagai projek penyelidikan tokoh pendidikan negara seperti Shaari Isa, Awang Had Salleh dan Mohd. Yusof Hasan. Ia merupakan satu sumbangan besar dalam dokumentasi sejarah pendidikan Malaysia.

### **PENGIKTIRAFAN BANGUNAN DAN PROGRAM AWAM**

Berbekalkan inisiatif yang tinggi, beliau juga menghantar permohonan untuk mewartakan bangunan bersejarah di UPSI.

Usaha ini membuahkan hasil apabila Bangunan Suluh Budiman diisytiharkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada tahun 2009. Dalam aspek pembudayaan sejarah, beliau aktif menganjurkan pelbagai program seperti Jejak Warisan, Night at The Museum dan Bicara Tokoh Pendidikan. Beliau juga berperanan dalam memperkukuh jaringan pelawat melalui program lawatan dalam dan luar negara.

### **PROMOSI DAN PENGURUSAN PROFESIONAL**

Bagi memastikan MPN dikenali ramai, beliau terlibat

dalam strategi promosi yang merangkumi penghantaran jemputan ke sekolah, pengisian dalam papan iklan dan papan tanda, serta penghasilan pamflet dan video korporat. Segala usaha ini menunjukkan betapa pentingnya pengurusan promosi dalam memastikan MPN terus relevan dan menarik minat pelawat pelbagai peringkat. Kesemua ini menjadi saksi bagaimana beliau berperanan bukan sahaja sebagai pentadbir tetapi juga sebagai penggerak visi pemeliharaan warisan pendidikan negara.

Sepanjang perkhidmatan, Puan Safna mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sebanyak tiga kali iaitu pada 1998, 2005 dan 2013.

### **FALSAFAH KERJA DAN KEPIMPINAN**

Bagi Puan Safna, kunci utama dalam bekerja adalah ikhlas, jujur dan amanah. Beliau tegas memegang prinsip disiplin seperti hadir awal, patuh peraturan serta sentiasa menyeimbangkan antara kerjaya dan keluarga. Sebagai pemimpin, beliau mengamalkan gaya demokratik dan transformasi. Komunikasi dua hala dengan staf amat dititik beratkan. Di samping itu, beliau sering menggalakkan kursus serta latihan untuk memperkasa kemahiran kakitangan.


### **PERANCANGAN SELEPAS BERSARA**

Beliau yang akan bersara wajib pada 22 Julai 2025, merancang untuk mengusahakan tanah pusaka peninggalan keluarga di Batang Kali bersama suaminya yang juga sudah bersara. Baginya, hidup selepas bersara bukan noktah, tetapi fasa baharu untuk terus memberi dan mengisi masa dengan penuh bermakna.

### **PENUTUP**

Perjalanan panjang ini memperlihatkan dedikasi, komitmen, dan kepimpinan cemerlang Puan Safna dalam bidang permuziuman dan warisan pendidikan negara. Beliau merupakan contoh teladan bagi warga perkhidmatan awam yang berpegang pada nilai integriti, profesionalisme dan kecintaan terhadap sejarah serta budaya bangsa.





**Oleh:**  
Nurul Hafizan binti Abdul  
Rahman  
nurulhafizan@upsi.edu.my

## Ng Zhen Fan Shankar: Pemimpin Generasi Kini, Inspirasi Masa Hadapan

Perjalanan seorang mahasiswa UPSI yang menempuh cabaran, membina legasi, dan memperjuangkan suara anak muda sehingga ke pentas antarabangsa. Dari kepimpinan pelajar ke gelaran Tokoh Siswa UPSI 2024 dan World Youth Changemaker, inilah kisah keberanian, empati, dan amanah yang menginspirasi generasi akan datang.

Ng Zhen Fan Shankar, 26 tahun, lahir dan dibesarkan di Klang, Selangor. Hidupnya banyak dibentuk oleh keluarga, pendidikan, serta pengalaman yang membimbingnya sejak kecil, membentuk seorang individu yang matang, berani,

dan bersemangat untuk memberi impak positif kepada masyarakat.

### **PERJALANAN SEORANG PEMIMPIN MUDA**

Saya merupakan graduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian. Zaman pengajian di UPSI bukan sekadar tentang menelaah buku atau mengejar keputusan akademik, tetapi juga medan untuk saya mengasah kemahiran insaniah. Saya aktif menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum yang menuntut kepimpinan, komunikasi serta

kerjasama dalam pasukan. Semua pengalaman itu menjadikan saya lebih matang dan bersedia menghadapi cabaran dunia sebenar.

Kehidupan saya turut diperkaya dengan latar belakang keluarga yang unik. Ayah saya berbangsa Cina manakala ibu saya berbangsa India. Dari kecil, saya belajar untuk meraikan kepelbagaian budaya dan mengamalkan sikap toleransi dalam kehidupan seharian. Menariknya, saya mempunyai pasangan kembar tidak seiras. Hubungan rapat dengan kembar saya sejak kecil menjadikan saya seorang yang penyayang, bertanggungjawab,

serta sentiasa bersedia memberi sokongan kepada orang lain.

Kesemua pengalaman inilah yang membentuk siapa diri saya hari ini, seorang yang bersemangat untuk terus berusaha, tidak mudah menyerah, dan sentiasa bermotivasi untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan.

### **TITIK PERMULAAN KEPIMPINAN PELAJAR**

Perjalanan saya dalam dunia kepimpinan bermula sejak di bangku sekolah lagi. Seawal usia remaja, saya sering diberi kepercayaan memegang jawatan penting seperti Presiden Kelas dan Ketua Pengawas. Dari situlah saya mula sedar bahawa saya mempunyai kecenderungan untuk memimpin serta rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap kebajikan rakan-rakan. Minat ini saya teruskan ketika melanjutkan pengajian di Politeknik Sultan Azlan Shah, apabila saya diberi peluang berkhidmat dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Pengalaman di peringkat itu membuka ruang untuk saya memahami selok-belok pengurusan organisasi pelajar, mewakili suara mahasiswa serta melaksanakan program yang memberi manfaat kepada komuniti kampus.

Apabila saya melangkah ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), semangat kepimpinan ini semakin utuh. Saya diberi mandat untuk menyandang jawatan sebagai Bendahari Kehormat Majlis Perwakilan Pelajar, satu pengalaman yang memperkukuh lagi kemahiran saya dalam pengurusan

kewangan, strategi dan kepimpinan berkesan.

Bila diimbab, saya telah bergiat dalam kepimpinan pelajar hampir 15 tahun, bermula dari sekolah hingga ke universiti. Bagi saya, kepimpinan bukan sekadar jawatan atau pangkat, tetapi amanah untuk membawa perubahan yang positif serta memperjuangkan kebajikan orang lain. Pengalaman inilah yang membentuk siapa diri saya hari ini dan akan terus menjadi sebahagian daripada perjalanan hidup saya pada masa hadapan.

### **MENGURUS CABARAN KEPIMPINAN**

Menjadi Bendahari Kehormat MPP UPSI bukanlah tugas mudah. Setiap angka yang keluar masuk perlu dicatat dengan teliti, setiap bajet perlu disusun rapi dan setiap keputusan kewangan mesti mematuhi prosedur universiti. Cabaran bertambah besar apabila bajet tidak diluluskan sepenuhnya atau apabila wujud kekeliruan tentang tatacara perbelanjaan.

Antara cabaran utama yang saya hadapi ialah apabila bajet yang dimohon tidak diluluskan sepenuhnya atau wujud perbezaan kefahaman tentang tatacara perbelanjaan. Dalam situasi sebegini, saya perlu bijak menyesuaikan semula perbelanjaan, mencari penajaan luar atau menyusun semula keutamaan aktiviti agar program tetap dapat dijalankan dengan lancar. Pendekatan ini menuntut komunikasi jelas dengan pihak pentadbiran universiti serta kerjasama erat bersama rakan-rakan jawatankuasa.

Lebih daripada sekadar mengurus angka, pengalaman ini mengajar saya untuk menjadi seorang pemimpin yang sabar, teliti dan strategik dalam menyelesaikan masalah. Ia menjadikan saya lebih fleksibel, lebih berani membuat keputusan, serta lebih peka terhadap kepentingan menjaga amanah.

Saya percaya setiap cabaran dalam kepimpinan adalah peluang untuk bertumbuh lebih matang dan memberi manfaat kepada orang lain.

### **PERNAH RASA PUTUS ASA**

Secara jujur, pernah terlintas rasa ingin berputus asa dalam perjalanan saya sebagai pemimpin pelajar. Tugas yang dipikul tidak mudah, ada waktunya terlalu letih, tekanan datang dari pelbagai arah, masa rehat terganggu dan usaha yang dicurahkan pula tidak selalu dihargai. Lebih mencabar lagi apabila berdepan dengan salah faham atau kritikan yang tidak membina. Semua itu sedikit sebanyak menggugat semangat saya.

Namun, setiap kali rasa itu hadir, saya kembali mengingatkan diri bahawa kepimpinan bukan tentang populariti, tetapi amanah untuk membawa perubahan yang bermanfaat kepada orang lain. Semangat saya semakin kuat apabila usaha yang dicurahkan mula mendapat pengiktirafan daripada pihak universiti dalam bentuk beberapa anugerah utama. Bagi saya, penghargaan ini bukan sekadar pencapaian peribadi, tetapi lambang sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh ramai pihak.

Anugerah tersebut menjadi pemangkin untuk saya bangkit semula setiap kali diuji. Ia membuktikan bahawa walaupun perjalanan kepimpinan penuh cabaran, ia juga sarat dengan makna dan pembelajaran. Setiap ujian yang dilalui membina ketahanan mental serta kematangan diri yang akan menjadi bekalan berharga selepas tamat pengajian kelak.

Untuk memastikan ketelusan, saya membangunkan sistem rekod kewangan yang boleh diakses oleh semua pihak, di samping membentangkan laporan kewangan secara terbuka setiap kali program dijalankan. Saya mahu setiap pelajar tahu ke mana arah aliran dana mereka, kerana kepercayaan itu hanya dapat dipupuk melalui keterbukaan. Lebih daripada sekadar angka,

boleh dibeli, tetapi hanya boleh dijaga dengan penuh tanggungjawab.

### **PENGALAMAN MANIS SEBAGAI PEMIMPIN PELAJAR**

Jika ada satu perkara yang paling berharga sepanjang saya menyertai organisasi pelajar di UPSI, ia pastilah peluang untuk terlibat secara langsung dalam raturan program yang dianjurkan di peringkat universiti. Hampir 200 program saya sertai ada kalanya sebagai ahli jawatankuasa biasa, ada masanya sebagai ketua unit, bahkan pernah juga memegang tanggungjawab besar sebagai pengarah program. Setiap peranan itu memberi pengalaman yang berbeza, namun semuanya meninggalkan kesan yang sangat bermakna dalam membentuk diri saya sebagai seorang pemimpin.

Apa yang menjadikan pengalaman ini istimewa bukan sekadar hasil kejayaan menganjurkan program, tetapi proses di sebaliknya. Bagaimana saya belajar merancang dengan teliti, mengurus masa di tengah jadual akademik yang padat, bekerjasama dengan pelbagai pihak, dan menyelesaikan masalah yang timbul secara tiba-tiba. Detik paling menggembirakan adalah apabila melihat senyuman dan manfaat yang diterima pelajar serta komuniti kampus hasil usaha bersama. Dari bengkel kecil dan forum ilmiah sehinggalah seminar besar, karnival dan kerjasama dengan institusi luar, setiap satu mengajar saya sesuatu yang baru.



### **KEPERCAYAAN ITU TANGGUNGJAWAB**

Menggalas amanah sebagai Bendahari MPP bukanlah sekadar menguruskan angka pada kertas, tetapi menjaga satu kepercayaan besar daripada para pelajar. Saya selalu ingatkan diri bahawa setiap sen yang dibelanjakan adalah hasil titik peluh dan harapan orang lain, maka ia mesti diurus dengan penuh teliti dan berintegriti.

saya juga melibatkan diri dalam memberi tunjuk ajar kepada pengarah program dan jawatankuasa pelaksana. Saya mahu mereka faham tatacara kewangan agar setiap program dilaksanakan berhemah tanpa sebarang pembaziran.

Saya belajar bahawa kejujuran, ketelusan dan komitmen tinggi adalah kunci untuk menjaga amanah. Kepercayaan pelajar bagi saya adalah aset paling berharga; sesuatu yang tidak

Lebih daripada itu, pengalaman ini membuka peluang untuk saya membina jaringan yang luas. Saya bukan sahaja berhubung dengan pelajar daripada pelbagai fakulti, tetapi juga dengan pensyarah, pihak pentadbiran serta agensi luar universiti. Semua ini meluaskan pandangan saya tentang dunia organisasi dan pengurusan acara. Cabaran yang dilalui mengajar saya tentang kesabaran, pentingnya kerjasama, serta bagaimana untuk kekal profesional walau dalam tekanan.

Saya sedar bahawa penglibatan aktif dalam organisasi pelajar bukanlah aktiviti sampingan, sebaliknya sebuah proses pembelajaran yang tidak ternilai. Ia mengasah keupayaan saya menjadi seorang pemimpin yang lebih fleksibel, berani dan bertanggungjawab. Malah, pengalaman ini jugalah yang memberi keyakinan dan dorongan untuk saya terus menyumbang, bukan hanya kepada universiti, tetapi juga kepada masyarakat di luar sana, walaupun selepas menamatkan pengajian kelak.

### **PERJALANAN TAK SELALU INDAH**

Dalam hidup, setiap insan pasti melalui pengalaman pahit dan manis yang akhirnya membentuk siapa diri kita hari ini. Saat manis hadir melalui kejayaan, persahabatan yang tulus, dan kasih sayang yang menguatkan jiwa, menjadikan hati berbunga dan penuh harapan. Namun, pengalaman pahit seperti kegagalan, kehilangan atau pengkhianatan juga tidak dapat dielakkan. Walaupun perit untuk ditanggung, detik pahit itulah

yang mengajar kita untuk lebih kuat, lebih tabah, dan lebih menghargai setiap langkah perjalanan hidup. Gabungan kedua-dua pengalaman inilah yang akhirnya membentuk kematangan diri, serta menanam rasa syukur atas segala yang telah dilalui.

Sepanjang saya bergiat aktif dalam organisasi pelajar di UPSI, saya turut melalui pelbagai pengalaman pahit dan manis yang sukar diungkapkan sepenuhnya. Namun, antara kenangan paling manis yang tidak mungkin saya lupakan ialah ketika diberi kepercayaan menjadi pengarah utama pembangunan Bangunan MPP Komersial Hub, iaitu Pusat Keusahawanan Pelajar UPSI. Projek ini begitu bermakna kerana ia adalah inisiatif MPP sendiri yang melibatkan pengurusan serta perancangan kompleks, di samping memberi impak jangka panjang kepada seluruh mahasiswa.

Sepanjang prosesnya, saya berpeluang bekerjasama rapat dengan pihak universiti, para penaja serta rakan pelajar bagi memastikan projek ini dapat direalisasikan. Ia mengajar saya banyak tentang kepimpinan, pengurusan projek, kerjasama dan komunikasi berkesan, malah turut menguji ketahanan mental dalam menghadapi cabaran yang datang silih berganti. Segala pengorbanan yang dicurahkan menjadikan projek ini bukan sekadar tugas, tetapi sebuah kenangan manis yang akan terpahat selamanya.

Menjadi MPP di UPSI ibarat menempuh sebuah perjalanan penuh warna-warni; ada sinar mentari, ada juga hujan lebat.

Saat manis terpahat dalam hati ketika berjaya melaksanakan program yang memberi impak positif kepada pelajar, membina perpaduan, dan meniupkan inspirasi. Namun, tidak kurang juga detik pahit yang datang tanpa diduga, daripada tekanan mengurus tanggungjawab besar, salah faham sesama ahli, hinggalah ke saat pandangan saya diketepikan. Luka-luka kecil itulah yang akhirnya mengajar saya tentang sabar, ikhlas dan erti sebenar kepimpinan.

Bagi saya, setiap pahit dan manis yang saya lalui sepanjang bergelar pemimpin pelajar bukan sahaja membentuk keperibadian saya, malah menjadikan saya insan yang lebih matang, tabah dan berdedikasi. Ia menjadi bekal berharga untuk saya terus melangkah jauh dalam apa jua cabaran kehidupan yang menanti selepas ini.

### **INSPIRASI DALAM PERJALANAN KEPIMPINAN**

Dalam setiap langkah kepimpinan saya, ibu bapa adalah sumber kekuatan yang tidak ternilai. Kasih sayang, doa dan pengorbanan mereka menjadi tiang seri yang meneguhkan hati saya untuk terus melangkah, walau diuji dengan cabaran sebesar mana sekalipun. Tanpa mereka, saya tidak akan berdiri seperti hari ini.

Saya juga amat bersyukur kerana dipertemukan dengan insan-insan yang menjadi cahaya dalam perjalanan ini. Prof. Dr. Norkhalid Salimin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) yang saya anggap sebagai ayahanda, sentiasa membimbing dengan penuh hikmah dan kesabaran.

Puan Hajah Maskana Ahmad pula menjadi ibunda rohani yang meniupkan semangat setiap kali saya hampir goyah. Tidak ketinggalan, Encik Ahmad Rifaie Amin, Prof. Dr. Mohd Izwan Shahril, Encik Mohd Halim Zaki, serta Dr. Khalizul Khalid yang sentiasa membuka jalan dengan ilmu, pengalaman dan dorongan yang ikhlas.

Tidak lupa juga rakan-rakan sejawat dan ahli MPP yang bersama-sama berjuang, berkongsi suka duka, serta membuktikan bahawa kejayaan hanya lahir daripada kerjasama dan kesatuan hati.

Segala inspirasi dan dorongan daripada insan-insan ini menjadi bekal berharga untuk saya. Mereka bukan sekadar membimbing dengan kata-kata, tetapi dengan teladan yang penuh integriti. Semoga suatu hari nanti saya mampu mencontohi mereka dan meneruskan legasi kepemimpinan yang bermanfaat untuk generasi seterusnya.

### **BILA PENGIKTIRAFAN JADI MOTIVASI**

Pengiktirafan sebagai penerima Anugerah Perdana Naib Canselor UPSI 2024, khususnya Tokoh Siswa UPSI 2024, adalah satu penghormatan besar yang amat bermakna dalam perjalanan hidup saya. Ia bukan sekadar lambang kejayaan, tetapi amanah yang perlu digalas dengan penuh tanggungjawab. Anugerah ini menjadi sumber kekuatan untuk saya terus berbakti, bukan hanya kepada universiti, tetapi juga kepada masyarakat.

Lebih daripada sekadar pengiktirafan, ia mengingatkan

saya bahawa kepemimpinan sejati lahir daripada semangat memberi. Ia membakar tekad saya untuk memperluas usaha memperkasakan rakan-rakan pelajar, merintis program bermanfaat, serta menjadi jambatan yang menghubungkan universiti dengan komuniti. Dengan doa, sokongan dan semangat yang sentiasa menyala, saya berazam untuk terus melangkah, meninggalkan jejak kepemimpinan yang memberi makna kepada generasi akan datang.

### **CABARAN TERBESAR PEMIMPIN PELAJAR**

Salah satu cabaran terbesar yang pernah saya hadapi sebagai pemimpin pelajar ialah isu kebajikan mahasiswa, khususnya kekurangan rumah sewa dan kenaikan harga makanan di sekitar kampus. Ramai pelajar, terutamanya daripada keluarga B40, berdepan kesukaran mencari penginapan yang selesa dan mampu milik. Melihat keresahan ini, saya bersama barisan MPP tampil mengadakan sesi libat urus dengan pihak universiti, yang akhirnya membawa kepada cadangan penambahan kapasiti kolej kediaman serta kerjasama dengan penyedia rumah sewa luar bagi menawarkan pilihan penginapan lebih teratur dan selamat.

Isu kenaikan harga makanan turut memberi kesan mendalam kepada pelajar. Kami berunding dengan pengusaha kafeteria dan pihak pengurusan bagi mencari titik tengah, sehingga lahirlah inisiatif kawalan harga berkala serta audit menu. Usaha ini bukan sahaja menjaga kemampuan

pelajar, tetapi turut memastikan kualiti makanan terpelihara.

Daripada pengalaman ini, saya belajar bahawa kepemimpinan sejati bukan sekadar menyuarakan keresahan pelajar, tetapi mencari jalan penyelesaian yang adil untuk semua. Cabaran ini mengajar saya bahawa setiap masalah adalah peluang membina kepercayaan, mengukuhkan kerjasama, dan membawa perubahan yang benar-benar bermakna.

### **PELUANG ANTARABANGSA BENTUK KEPIMPINAN**

Penglibatan saya dalam Global Youth Congress 2024 di Bangkok menjadi titik tolak penting dalam perjalanan kepemimpinan saya. Berada bersama pemimpin muda dari seluruh dunia membuka mata saya terhadap kepelbagaian budaya, cara berfikir dan pendekatan dalam menyelesaikan isu global. Di pentas antarabangsa itu, saya benar-benar menyedari bahawa kepemimpinan bukan sekadar mengarah, tetapi mendengar dengan hati, memahami dengan empati dan bertindak dengan keberanian. Ia memberi saya perspektif baharu bahawa suara anak muda, walaupun datang dari latar belakang sederhana, tetap mampu membawa perubahan apabila disampaikan dengan ikhlas dan penuh keyakinan.

Pengalaman itu lebih bermakna apabila saya dinobatkan sebagai World Youth Changemaker 2024 serta tersenarai dalam Top 40 World Speak-Up Leaders. Gelaran tersebut bukan sekadar pengiktirafan, tetapi amanah besar yang menyuntik

semangat untuk saya terus memperjuangkan suara mahasiswa dan memperluas sumbangan pada skala lebih global. Ia membentuk saya sebagai pemimpin yang lebih berpandangan jauh, berdaya diplomasi serta mampu menyesuaikan gaya kepemimpinan tanpa mengorbankan jati diri dan budaya. Dengan ilmu, jaringan dan inspirasi yang dibawa pulang, saya bertekad untuk terus memperkasa mahasiswa UPSI serta menyumbang dalam pembangunan masyarakat di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

### **ANUGERAH BUKAN NOKTAH, TAPI SEMANGAT BARU**

Baru-baru ini, pemilihan saya sebagai Ahli Dewan Muda Selangor 2025 membuka ruang lebih luas untuk memperjuangkan isu-isu belia secara lebih serius dan berstruktur. Saya hadir bukan sekadar mewakili suara mahasiswa, tetapi membawa aspirasi anak muda di akar umbi. Bermula daripada isu pendidikan, peluang pekerjaan, kesihatan mental hingga keterlibatan belia dalam demokrasi.

Pengiktirafan terdahulu seperti Tokoh Siswa UPSI 2024 dan World Youth Changemaker menjadi titik tolak yang mengingatkan saya bahawa setiap penghargaan datang bersama amanah. Justeru, bagi saya anugerah bukanlah penamat, tetapi permulaan kepada tanggungjawab yang lebih besar, dan selagi diberi ruang dan peluang, saya akan terus melangkah, terus menyumbang dan terus memperjuangkan suara mereka yang jarang kedengaran.

### **MESEJ KEPADA GENERASI MAHASISWA**

Kepada rakan-rakan mahasiswa, nasihat saya cuma satu. Beranilah melangkah keluar daripada zon selesa. Kehidupan kampus bukan sekadar mengejar keputusan cemerlang di dewan kuliah, tetapi juga ruang untuk mengenal diri, membina jati diri dan mengasah potensi sebenar. Setiap peluang kepemimpinan dan aktiviti pelajar adalah medan latihan yang akan membentuk kita menjadi lebih matang, berani dan berdaya tahan.

Kepimpinan tidak menuntut kesempurnaan, sebaliknya menuntut keberanian untuk mencuba, keikhlasan untuk berkhidmat, serta kesediaan untuk belajar. Jangan takut gagal, kerana kegagalan bukan pengakhiran, tetapi guru yang mengajar kita tentang kesabaran, tanggungjawab dan kekuatan untuk bangkit semula. Dari setiap mesyuarat, program dan cabaran, kita belajar tentang komunikasi, Kerjasama dan keberanian menyuarakan kebenaran.

Ingatlah, peluang di alam mahasiswa hanya datang sekali. Gunakan ia untuk membina jaringan, menimba pengalaman dan meninggalkan legasi yang akan menginspirasi generasi seterusnya. Negara ini memerlukan lebih ramai pemimpin muda yang berilmu, berakhlak dan berjiwa rakyat. Dan pemimpin itu tidak lahir tiba-tiba; ia terbentuk daripada keberanian memulakan langkah pertama. Maka percayalah, pemimpin itu ialah anda.

### **DARI KAMPUS KE DUNIA KERJAYA**

Pengalaman saya di UPSI bukan sekadar perjalanan akademik, tetapi sebuah madrasah kehidupan yang membentuk jati diri, hala tuju kerjaya dan perjuangan masa depan. Dari bilik kuliah hingga ke pentas kepimpinan, daripada program tempatan hingga ke peringkat antarabangsa seperti Global Youth Congress 2024, setiap langkah telah mengajar saya erti keberanian, kecekalan dan kepimpinan berasaskan empati.

Amanah sebagai Majlis Perwakilan Pelajar, penghargaan Anugerah Perdana Naib Canselor serta gelaran Tokoh Siswa UPSI 2024 telah mematangkan saya dalam membuat keputusan, menyuarakan kebajikan mahasiswa dan membawa aspirasi mereka ke peringkat tertinggi. Segala pengalaman ini adalah bekal yang akan saya bawa dalam perjuangan masa hadapan, khususnya dalam pendidikan, advokasi sosial, dasar awam dan pembangunan belia.

Namun lebih daripada itu, UPSI telah mengajar saya bahawa ilmu tanpa adab hanyalah kosong, dan kejayaan tanpa jiwa tidak pernah kekal. Saya pernah hampir rebah kerana tekanan tugas, kegagalan kecil yang terasa besar, dan rindu yang mencengkam, tetapi doa orang tua dan impian yang membara membuat saya terus melangkah. Setiap air mata menjadi baja semangat, setiap kegagalan menjadi guru, dan setiap senyuman dalam penat menjadi kekuatan.

# Misteri Di Pinggir Tanjong Malim: Bila Rasa Menjadi Warisan



Oleh:  
Bazli Bin Abdul Razak  
bazli.razak@upsi.edu.my

## TERSOROK TAPI DICARI

Di pinggir jalan kampung yang sunyi di Tanjong Malim, berdiri sebuah kedai makan kecil yang tidak menonjol dari luar. Namun, setiap minggu, puluhan hingga ratusan pelanggan dari pelbagai arah akan tiba, ada yang datang dari Kuala Lumpur, ada juga dari kawasan sekitar Perak dan Selangor. Semuanya kerana satu perkara, rasa yang tidak dapat dilupakan.

Nama kedai itu sendiri sudah cukup unik, Nasi Kerabu Misteri satu jenama yang lahir daripada mulut pelanggan. Terletak di lokasi yang terpencil dan sukar dikesan, keistimewaan kedai ini bukan terletak pada dekorasi atau saiznya, tetapi pada rasa masakan yang ikhlas dan memikat.

Jalan yang perlu dilalui untuk sampai ke sana bukanlah jalan utama, sebaliknya laluan pintas kampung yang hanya diketahui penduduk setempat. Pelanggan

pertama kali biasanya perlu berpandukan aplikasi peta atau bertanya kepada penduduk tempatan. Namun sebaik sahaja mereka tiba, suasana damai dan aroma masakan yang menyambut dari dapur kayu itu membuatkan perjalanan yang jauh menjadi sangat berbaloi.

Apa yang menarik, tiada papan tanda besar atau iklan mewah digantung di tepi jalan. Segala populariti kedai ini tersebar melalui cerita dari mulut ke mulut. Orang datang, rasa, dan berkongsi. Sedikit demi sedikit, nama “Misteri” mula menjadi sebutan ramai, bukan kerana misteri pada rupa, tetapi misteri pada rasa yang membekas di hati.

## DARI DAPUR KECIL KE DAPUR PERNIAGAAN

Kisah ini bermula dengan seorang wanita Kelantan yang dibesarkan dalam keluarga besar. Walaupun anak bongsu daripada tiga beradik, dia dipertanggungjawabkan menjaga adik-adiknya dan memasak sejak usia muda. Dapur menjadi tempat dia belajar tentang tanggungjawab, rasa, dan kesabaran.

Apabila mendirikan rumah tangga, beliau dan suaminya berpindah ke Tanjong Malim, membawa bersama kemahiran masakannya. Dari rumah kecil, beliau memulakan langkah pertama dalam dunia perniagaan makanan. Tahun 2009 menjadi titik tolak apabila mereka menyewa sebuah tapak kecil di Medan Selera Tanjong Malim. Di sinilah menu nasi kerabu mula mencuri perhatian penduduk setempat.

Namun selepas pemergian suami tercinta, perniagaan terpaksa dihentikan seketika. Mereka berpindah-pindah lokasi, menempuh pelbagai cabaran termasuk menyewa tapak di kawasan terpencil. Akhirnya pada tahun 2017, mereka berjaya menetap di lokasi sekarang. Walaupun tidak strategik, lokasi ini menawarkan ketenangan dan peluang membina semula semangat dari bawah.

Kejayaan ini tidak datang dengan mudah. Ia dibina atas semangat, air mata, dan kasih sayang sebuah keluarga yang ingin melihat hasil masakan ibu terus hidup dan dinikmati ramai. Dari dapur kecil lahirlah rasa yang kini menjadi kegemaran ramai.

## MASAKAN DENGAN SENTUHAN CINTA

Setiap resepi di kedai ini lahir daripada ujian dan eksperimen di dapur sendiri. Tiada buku masakan rujukan, semuanya berdasarkan pengalaman dan naluri. Ibu yang menjadi tukang masak utama sering mencuba resepi baru dan mengubah suai ramuan mengikut selera tempatan.

Nasi kerabu di sini bukan seperti yang biasa dijumpai di Kelantan. Ia tidak ditumis, namun tetap penuh rasa. Menu ini tampil ringkas, namun sangat memuaskan. Pelanggan menyukainya kerana keseimbangan rasa yang tidak berlebihan dan tidak terlalu kompleks. Selain itu, nasi dagang dan nasi lemak juga menjadi pilihan utama pelanggan harian.

Kesemua masakan dikawal sepenuhnya oleh ibu. Jika beliau tidak sihat, kedai tidak akan beroperasi. Ini kerana keluarga ini percaya bahawa hanya ibu yang mampu mengekalkan konsistensi dan rasa sebenar. Setiap sukatan rempah, tempoh memasak, dan teknik masakan diawasi dengan teliti agar tidak tergelincir.

Kesungguhan itu menjadikan makanan di sini bukan sekadar mengenyangkan perut, tetapi memberi pengalaman emosi kepada pelanggan. Setiap hidangan disediakan

dengan penuh kasih sayang dan keikhlasan, satu nilai yang jarang ditemui dalam dunia makanan komersial masa kini.

## CABARAN DI TENGAH ALAM

Mendirikan kedai makan di kawasan kampung membawa cabarannya yang tersendiri. Keadaan sekeliling yang hijau dan aman sering kali disertai dengan kehadiran makhluk seperti tikus, biawak, serangga dan ular. Setiap pagi, kawasan sekitar perlu dibersihkan dengan teliti agar kedai sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat.

Kekangan tenaga kerja turut menjadi cabaran utama. Kedai ini diurus oleh empat ahli keluarga tetap dan dibantu oleh 12 hingga 13 pelajar UPSI sebagai pekerja sambilan. Sekiranya seorang pekerja tidak hadir, aliran kerja akan terganggu. Ini memberi kesan kepada kecekapan layanan dan kepuasan pelanggan.

Perniagaan ini juga memerlukan koordinasi yang tinggi antara anggota keluarga. Pembahagian tugas perlu jelas dan cekap agar operasi dapat berjalan lancar, terutamanya pada waktu puncak seperti



hujung minggu dan cuti umum. Ketika itulah kedai ini menerima kunjungan pelanggan yang ramai dan berbilang ragam.

Namun dengan semangat dan komitmen yang tinggi, mereka berjaya mengatasi semua cabaran ini. Bagi keluarga ini, setiap kesusahan adalah pelajaran dan setiap ujian adalah peluang untuk menjadi lebih kuat.

### **DARI PELANGGAN BIASA KE PELANGGAN SETIA**

Kedai ini tidak pernah bergantung pada iklan berbayar. Segalanya bermula dan berkembang melalui cerita pelanggan yang puas hati. Mereka yang datang akan bercerita kepada orang lain, berkongsi gambar di media sosial, dan menyarankan kepada rakan-rakan. Dari situlah nama Nasi Kerabu Misteri mula tersebar ke luar daerah.

Pelanggan hari biasa terdiri daripada kakitangan awam, pensyarah, polis, bomba dan penduduk setempat. Pada hujung minggu dan cuti umum, pelanggan luar pula mengambil alih yang berkunjung dari Kuala Lumpur, Selangor dan negeri-negeri berhampiran. Suasana menjadi meriah dan penuh seperti pesta makanan.

Beberapa selebriti pernah singgah, ada yang datang berkonvoi motor, ada

juga geng berbasikal yang menjadikan kedai ini sebagai persinggahan. Namun layanan tetap sama. Tiada layanan istimewa, kerana bagi mereka, semua pelanggan perlu diraikan dengan ikhlas.

Fenomena ini membuktikan bahawa rasa yang baik, layanan mesra dan keikhlasan mampu menjadi strategi pemasaran paling berkesan. Bukan sahaja membina pelanggan setia, tetapi juga komuniti yang menyokong dan menghargai usaha keluarga kecil ini.

### **LEGASI SEORANG IBU**

Kini, anak kepada tukang masak utama sedang bersedia mengambil alih peranan lebih besar dalam operasi harian. Berusia 29 tahun dan merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Sosial dari UPSI, beliau kini mengurus pekerja, memantau kualiti dan memastikan segala urusan berjalan lancar.

Tiada rancangan besar untuk membuka cawangan lain buat masa ini. Fokus utama mereka adalah mengekalkan kualiti dan kepercayaan pelanggan yang telah terjalin sejak sekian lama. Legasi yang dibina dengan susah payah itu ingin dijaga, bukan diperluas tanpa arah.

Bagi keluarga ini, kejayaan tidak diukur pada jumlah kedai atau keuntungan

besar. Ia diukur melalui kepuasan pelanggan, senyuman selepas makan, dan rasa yang dikenang walaupun setelah pulang. Setiap hari yang berlalu adalah peluang untuk meneruskan tradisi dan mengukuhkan warisan.

Anak muda ini tahu bahawa tugas yang bakal dipikul bukan mudah. Namun dengan semangat ibu sebagai inspirasi, dia percaya bahawa warisan ini akan terus hidup dan berkembang.

### **UNTUK MEREKA YANG MAHU BERMULA**

Perniagaan makanan bukan sekadar tentang memasak. Ia adalah tentang ketahanan mental, kebijaksanaan dalam mengurus manusia dan kecekapan menangani cabaran. Modal semata-mata tidak cukup untuk membawa sesebuah perniagaan ke hadapan.

Seseorang usahawan perlu bersedia menghadapi pelbagai rintangan, daripada masalah pekerja tidak hadir, bahan mentah yang tidak mencukupi, hingga kepada pelanggan yang pelbagai kerenah. Tanpa ilmu dan persediaan, segala-galanya boleh musnah dalam sekelip mata.

Bagi keluarga ini, setiap anggota perlu tahu selok-belok kerja orang lain.



Jika pekerja tidak hadir, mereka sendiri boleh turun padang. Tiada ruang untuk bergantung harap semata-mata. Kecekapan bergilir-gilir menjadi asas kekuatan mereka.

Kepada sesiapa yang ingin memulakan perniagaan, nasihat mereka mudah iaitu jadilah kental. Belajarlah dari bawah, jangan malu bertanya, dan sentiasa bersedia untuk berubah dan belajar.

## **MISTERI YANG MENJADI IDENTITI**

Nama 'Misteri' tidak dirancang. Ia lahir secara spontan daripada pelanggan yang sering menyebut bahawa kedai ini tersorok dan sukar dicari. Dari situ, nama itu diangkat menjadi identiti, satu simbol kepada lokasi tersembunyi dan rasa yang memikat.

Nama itu kini menjadi daya tarikan tersendiri. Pelanggan ingin tahu apa yang 'misteri' sangat tentang nasi kerabu ini dan apabila mereka datang, mereka faham bahawa misterinya bukan pada lokasi semata-mata, tetapi pada rasa yang menyentuh hati.

Nama ini juga menjadi kekuatan dari segi pemasaran. Ia mudah diingati, mencetus rasa ingin tahu, dan membantu menyebarkan cerita tentang kedai kecil yang luar biasa ini.

Di sebalik nama 'misteri' itu tersembunyi kekuatan sebenar iaitu nilai kasih sayang, ketekunan dan semangat keluarga yang tidak pernah padam.

## **BILA RASA MENJADI WARISAN**

Nasi Kerabu Misteri bukan sekadar nama. Ia adalah simbol kasih sayang seorang ibu yang tidak pernah jemu, dan simbol ketabahan seorang anak yang mahu menyambung legasi itu dengan penuh hormat. Dalam dunia perniagaan yang semakin sibuk dengan teknologi dan promosi digital, kedai ini membuktikan bahawa jujur dalam rasa dan konsisten dalam layanan masih menjadi kekuatan yang paling ampuh.

Di dalam setiap pinggan nasi kerabu, tersimpan cerita sebuah keluarga dan selagi cinta itu terus mengalir, Nasi Kerabu Misteri akan terus hidup sebagai warisan yang tidak ternilai.

# Ahmad Boestamam Pejuang Sosial, Sastera dan Politik



Oleh:  
YM Dr. Raja Ahmad Shalaby  
bin Raja Hassan  
shalaby@upsi.edu.my

## PENGENALAN


Dalam lipatan sejarah perjuangan kemerdekaan dan pembinaan bangsa Malaysia, terdapat ramai tokoh yang menjadi tonggak utama gerakan nasionalisme Melayu. Namun, di celah nama-nama besar itu, terdapat seorang tokoh kelahiran Tanjong Malim, yang unik dan berani menongkah arus iaitu Ahmad Boestamam. Beliau bukan sekadar ahli politik, tetapi juga seorang wartawan, penulis, dan aktivis sosial yang memperjuangkan suara rakyat bawahan.

Nama Ahmad Boestamam sangat sinonim dengan keberanian, idealisme dan perjuangan untuk membela rakyat tertindas. Walaupun beliau lahir dalam suasana serba kekurangan, semangat juangnya membuktikan bahawa perubahan besar boleh dimulakan daripada akar desa. Lebih istimewa lagi, beliau merupakan anak jati Behrang Ulu, Tanjong Malim, sebuah daerah kecil yang melahirkan seorang pejuang besar bangsa Melayu di negeri Perak.

## ASAL USUL DAN KELUARGA

Ahmad Boestamam dilahirkan pada 30 November 1920, dengan nama asal Abdullah

Thani bin Raja Kechil. Beliau berasal daripada keluarga Melayu biasa. Ayahandanya, Raja Kechil bekerja sebagai petani, manakala ibunya, Rasiah, seorang suri rumah. Meskipun mempunyai gelaran "Raja" dalam nama keluarga, mereka bukan daripada golongan



bangsawan, tetapi rakyat biasa yang hidup sederhana di kampung.

Beliau dibesarkan di Kampung Behrang Ulu, sebuah perkampungan Melayu tradisional di daerah Tanjong Malim, Perak. Kehidupan di desa itu membentuk jiwa sosial dan semangat nasionalisme dalam dirinya. Beliau membesar dalam persekitaran yang akrab dengan nilai gotong-royong, hormat orang tua, dan keperitan hidup rakyat marhaen. Dari sinilah terbit kesedarannya tentang ketidaksamarataan sosial dan

penjajahan yang menekan bangsa Melayu.

## PENDIDIKAN AWAL

Ahmad Boestamam menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Behrang Ulu, sebelum melanjutkan pelajaran ke Anderson School, Ipoh pada tahun 1933. Sekolah ini merupakan antara institusi pendidikan Inggeris terkemuka di Perak ketika itu.

Walaupun tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, minatnya terhadap ilmu dan pembacaan sangat tinggi. Beliau banyak membaca buku politik, majalah antarabangsa dan karya sastera yang membentuk pemikiran kritis dan idealisme nasionalisnya. Dalam tempoh ini juga beliau mula menulis secara aktif, menandakan kelahiran seorang penulis dan pemikir muda.

Kehidupan di Tanjong Malim yang ketika itu masih merupakan kawasan luar bandar yang miskin dan sederhana memberi kesan besar terhadap pandangan dunia Ahmad Boestamam.



Beliau menyaksikan sendiri kesengsaraan rakyat akibat dasar penjajah British yang berat sebelah. Beliau juga mendapat pengaruh daripada abang iparnya, Mohammad Shariff bin Fakhir Ibrahim, lepasan SITC yang menjadi guru besar Sekolah Melayu Behrang Ulu.

Abang iparnya gemar membaca suat khabar Melayu seperti Majlis, Warta Malaya, Saudara dan Majalah Chenderamata SITC. Pada ketika itu akhbar Melayu banyak menyiarkan rencana-rencana yang meniupkan semangat kebangsaan. Hasil dari membaca rencana-rencana tersebut, Boestamam pun ikut ditulari semangat kebangsaan yang meluap-luap sehingga meningkat ke paras xenophobicisme (membenci segala yang bersifat asing).

Tanjong Malim juga terkenal sebagai pusat pendidikan (kerana penubuhan Sultan Idris Training College (SITC) pada 1922, kini UPSI. SITC memberi pengaruh intelektual besar kepada masyarakat setempat. Persekitaran itu memperkenalkan Boestamam kepada idea pembaharuan dan semangat kebangsaan yang dipelopori oleh tokoh-tokoh pendidikan seperti Za'ba, guru dan penterjemah SITC; dan Ibrahim Yaacob, merupakan bekas pelajar SITC.

### **KEBANGKITAN KESEDARAN SOSIAL**

Ahmad Boestamam mula melibatkan diri dalam gerakan sosial sejak usia muda. Di Perak pada tahun 1930-an, wujud banyak organisasi

Melayu yang memperjuangkan nasib rakyat. Salah satunya ialah Persatuan Melayu Perak (PMP), yang ditubuhkan pada tahun 1937. Beliau menjadi ahli biasa PMP dan terlibat dalam kegiatan sosial dan pendidikan masyarakat.

PMP menekankan soal kemiskinan, pendidikan, dan hak rakyat. Dari sinilah Boestamam mengenali akar masalah sosial orang Melayu, kemunduran ekonomi dan penindasan struktur kolonial. Penglibatan dalam PMP memperkukuh tekadnya untuk memperjuangkan perubahan melalui kesedaran massa.

Menjelang tahun 1940-an, Ahmad Boestamam menyertai Kesatuan Melayu Muda (KMM), sebuah pertubuhan nasionalis radikal pimpinan Ibrahim Yaacob. KMM memperjuangkan kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu serta penyatuan bangsa Melayu dengan Indonesia.

KMM menjadi sekolah politik awal bagi Boestamam. Melalui KMM, beliau belajar tentang nasionalisme, anti-penjajahan dan solidariti rakyat. Pengalaman ini membentuk kepercayaannya bahawa kemerdekaan tidak boleh dicapai melalui kerjasama dengan penjajah, sebaliknya perlu diperjuangkan dengan kekuatan rakyat.

Selepas perang dunia kedua, Boestamam menubuhkan Angkatan Pemuda Insaf (API) pada tahun 1946 sebagai sayap pemuda kepada Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Beliau menjadi Ketua API dan memainkan peranan penting dalam membangkitkan

kesedaran nasionalisme Melayu di seluruh negara, termasuk di Perak.

API merupakan organisasi yang sangat aktif dan lantang bersuara menentang penjajahan British. Boestamam memperkenalkan slogan yang terkenal, "Merdeka Dengan Darah!" Ungkapan ini melambangkan ketegasan dan semangat juangnya untuk membebaskan Tanah Melayu dari belenggu penjajahan.

API mempunyai cawangan di pelbagai daerah, termasuk Tanjong Malim dan kawasan sekitarnya. Boestamam sering mengadakan ceramah di kampung-kampung untuk menyedarkan rakyat tentang pentingnya kebebasan, keadilan sosial dan perpaduan bangsa.

Kegiatan sosial Boestamam bukan sekadar di pentas politik, tetapi juga dalam usaha mendidik dan mengangkat martabat masyarakat kampung. Beliau sering menyeru supaya orang Melayu meninggalkan sikap bergantung kepada golongan elit dan penjajah, sebaliknya bangun memperjuangkan hak mereka sendiri.

Dalam konteks Tanjong Malim, pengaruhnya tersebar melalui jaringan keluarga dan kenalan kampung. Ramai pemuda tempatan terinspirasi oleh keberanian beliau untuk menentang ketidakadilan. Ini menjadikan beliau tokoh tempatan yang disegani, walaupun pihak berkuasa kolonial menganggapnya berbahaya.

**SUMBANGAN DALAM BIDANG SASTERA**

Aktivisme sosial dan politik Boestamam berjalan seiring dengan kerjayanya dalam bidang kewartawanan. Pada tahun 1945, beliau menubuhkan akhbar Suara Rakyat di Ipoh, Perak, dan di sinilah beliau mula menggunakan nama pena “Ahmad Boestamam,” yang kemudian menjadi identiti perjuangannya.

Nama “Boestamam” sendiri bermaksud “pemuda yang penuh semangat” dalam bahasa lama Melayu. Nama itu melambangkan roh perjuangannya yang tidak kenal takut dalam menyuarakan kebenaran. Ahmad Boestamam terkenal sebagai penulis yang tajam dan berani. Beliau menghasilkan pelbagai rencana, esei dan karya sastera yang disiarkan dalam akhbar-akhbar Melayu seperti Suara Rakyat, Warta Malaya dan Majlis.

Antara tulisannya yang terkenal ialah Testament Politik API (1946), sebuah manifesto perjuangan yang menegaskan pendirian beliau tentang kemerdekaan penuh tanpa kompromi dengan penjajah. Dalam tulisan itu, beliau menulis: “Kita tidak mahu kemerdekaan separuh, tidak mahu kemerdekaan yang diberi, tetapi kemerdekaan yang diperjuangkan!” Karya ini menjadi dokumen penting dalam sejarah pemikiran politik Melayu moden. Boestamam kemudiannya ditangkap pada Mac 1947 atas penerbitan Testament Politik API dan menentang kerajaan (British) serta ditahan di lokap Balai Polis Tanjong Malim.

Selain karya politik, beliau juga menulis dalam bidang sastera. Tulisannya menggunakan bahasa yang puitis, bersemangat dan penuh emosi. Beliau menggunakan pena sebagai senjata untuk membangkitkan kesedaran dan mengkritik ketidakadilan sosial. Sebagai wartawan, Boestamam menjadikan media sebagai alat perjuangan rakyat. Beliau menulis tentang isu kemiskinan, penindasan ekonomi, diskriminasi dan kezaliman penjajah.

Gaya penulisannya bukan sahaja mengkritik, tetapi juga mendidik pembaca. Beliau mengajak rakyat berfikir, bertanya dan bangkit menuntut hak. Dalam banyak hal, Boestamam merupakan perintis kepada tradisi kewartawanan nasionalis yang berorientasikan rakyat. Tulisan-tulisan beliau menjadi sumber inspirasi kepada generasi muda penulis dan wartawan selepas merdeka, termasuk penulis seperti Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) dan Keris Mas.

**PENGLIBATAN DALAM BIDANG POLITIK**

Dalam bidang politik, Ahmad Boestamam merupakan antara pemimpin nasionalis kiri yang paling berpengaruh selepas perang dunia kedua. Sebagai Ketua API dan pemimpin PKMM, beliau memainkan peranan penting dalam menentang penjajahan British.

Selepas British mengisytiharkan darurat pada tahun 1948, Boestamam bersama ratusan aktivis lain ditangkap dan ditahan tanpa bicara selama tujuh tahun. Penahanannya

menjadi simbol keteguhan semangat perjuangan menentang penindasan kolonial.

Walaupun ditahan, pengaruh dan idea beliau terus berkembang melalui tulisan dan rakan seperjuangan di luar penjara. Rakyat melihatnya sebagai “harimau rakyat” yang tidak pernah tunduk kepada kekuasaan penjajah.

Selepas dibebaskan pada tahun 1955, Ahmad Boestamam menubuhkan Parti Rakyat Malaya (PRM). Parti ini berhaluan kiri dan memperjuangkan kemerdekaan, keadilan sosial, hak pekerja serta kesaksamaan ekonomi.

PRM membawa pendekatan politik yang berbeza, menekankan perjuangan rakyat tertindas dan menolak dominasi golongan elit. Pada tahun 1959, beliau bertanding dalam Pilihan Raya Umum Pertama Malaysia dan berjaya menjadi Ahli Parlimen Setapak. Kemenangannya membuktikan sokongan rakyat terhadap ideologi alternatif yang beliau bawa. Dalam Dewan Rakyat, beliau lantang mengkritik dasar kerajaan yang meminggirkan rakyat miskin.

Pada awal 1960-an, PRM bergabung dengan Parti Buruh Malaya membentuk Front Sosialis. Gabungan ini menjadi pembangkang terbesar menentang kerajaan Perikatan ketika itu. Namun, selepas berlakunya Konfrontasi Indonesia-Malaysia dan tindakan keras kerajaan terhadap parti berhaluan kiri, ramai pemimpin termasuk

Boestamam ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Selepas dibebaskan, beliau menubuhkan Parti Marhaen Malaysia (PMM) pada tahun 1968, berasaskan gagasan Marhaenisme yang menekankan pembebasan rakyat miskin dari penindasan ekonomi. Akhirnya, pada tahun 1974, PMM bergabung dengan beberapa parti lain membentuk Parti Keadilan Masyarakat Malaysia (PEKEMAS). Walaupun pengaruhnya semakin merosot, Boestamam tetap aktif memperjuangkan hak rakyat hingga ke akhir hayatnya.

#### **WARISAN DI TANJONG MALIM**

Sebagai anak jati Tanjong Malim, Ahmad Boestamam membawa nama daerahnya ke pentas nasional. Beliau menjadi lambang kebanggaan kepada rakyat Perak kerana keberaniannya memperjuangkan keadilan dan kemerdekaan. Majlis Daerah Tanjong Malim mengiktiraf beliau sebagai antara tokoh besar daerah yang mewarnai sejarah negeri Perak. Warisannya masih diingati melalui penamaan tempat dan bahan rujukan sejarah tempatan.

Boestamam sering menjadikan negeri Perak sebagai asas kegiatan awalnya. Sebelum ke pentas nasional, beliau aktif menyebarkan idea politik dan sosial melalui ceramah di Ipoh, Taiping dan Tanjong Malim. Di kawasan Behrang dan Slim River, pemuda-pemuda tempatan banyak terlibat dalam kegiatan API hasil bimbingannya. Oleh itu, Perak menjadi salah satu pusat

penting gerakan nasionalis kiri Melayu pada era 1940-an.

Walaupun dikenali sebagai pemimpin nasional, Boestamam tidak pernah melupakan akar desanya. Setiap kali pulang ke Tanjong Malim, beliau sering bergaul dengan penduduk kampung dan memberi dorongan kepada anak muda supaya berani menyuarakan pendapat. Bagi penduduk tempatan, beliau bukan sekadar tokoh politik, tetapi juga guru dan inspirasi. Kisah hidupnya menjadi contoh bahawa asal-usul sederhana bukan halangan untuk berjuang di peringkat kebangsaan.

#### **PENGIKTIRAFAN**

Ahmad Boestamam meninggal dunia pada 19 Januari 1983 di Hospital Kuala Lumpur. Jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan Islam Ampang, Kuala Lumpur.

Walaupun jasadnya telah tiada, semangat perjuangannya tetap hidup. Banyak pihak menyeru agar beliau diberi pengiktirafan rasmi sebagai tokoh nasional, memandangkan sumbangannya yang besar kepada perjuangan kemerdekaan dan pembentukan pemikiran politik rakyat Malaysia.

Sebuah sekolah di Sitiawan, Perak dikenali dengan nama Sekolah Menengah Kebangsaan Ahmad Boestamam, menunjukkan jasa-jasanya dihargai. Di Tanjong Malim, nama beliau diabadikan dalam pelbagai bentuk. Antaranya dijadikan bahan kajian sejarah tempatan dan tokoh inspirasi kepada pelajar universiti.

#### **PENUTUP**

Ahmad Boestamam ialah lambang perjuangan rakyat yang sejati. Beliau lahir daripada keluarga sederhana di Behrang Ulu, Tanjong Malim, namun berjaya mengangkat dirinya sebagai pemimpin nasional yang dihormati.

Beliau mengabdikan seluruh hidupnya untuk memperjuangkan kemerdekaan, keadilan sosial dan hak rakyat tertindas. Dalam dunia sastera dan kewartawanan, beliau menggunakan pena untuk membangkitkan kesedaran bangsa. Dalam politik, beliau berjuang tanpa gentar walaupun menghadapi penjara dan tekanan.

Sumbangan beliau kepada masyarakat negeri Perak, khususnya Tanjong Malim amat besar kerana daerah kecil itu menjadi tapak semaian semangat juang seorang nasionalis sejati. Semoga generasi muda hari ini mengenang jasa dan semangat beliau, serta menjadikan perjuangannya sebagai ilham untuk membina masa depan Malaysia yang adil, demokratik dan bermaruah.



# Prof. Dr. Azmil Hashim: Dari Tentera ke Penggerak Pendidikan Hafiz Negara



**Oleh:**  
Mohd Razalli bin Ahmad  
Termizi  
razalli@upsi.edu.my

Nama Profesor Dr. Azmil bin Hashim bukan sekadar sinonim dengan dunia akademik, tetapi juga simbol ketabahan dan kepimpinan. Dari seorang pegawai agama dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada penggerak utama pendidikan tahfiz di arus perdana, kisah beliau adalah bukti bahawa disiplin tentera dan keilmuan boleh berjalan seiring.

## DARI KUALA KANGSAR KE BUMI ANBIYA'

Beliau dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak, anak kampung ini meniti pendidikan awal di Padang Rengas dan di Sekolah Menengah Izzudin Shah, Ipoh sebelum melangkah ke Kolej Islam Sultan Alam Shah

(KISAS), Klang. Di atas dorongan ayahnya, beliau berangkat ke Mesir pada tahun 1991 untuk menuntut ilmu di Universiti Al-Azhar dalam bidang Syariah. "Tujuh tahun di Mesir mendidik saya bukan sekadar untuk mendalami kitab-kitab tetapi juga melalui talaqqi bersama para ulama," kenang beliau. Sekembalinya di tanah air, beliau menjadi imam di Masjid Seri Damansara. Namun, takdir mengubah haluan pada tahun 2000, beliau menyertai Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) selama hampir 12 tahun.

## DISIPLIN TENTERA, JIWA USTAZ

Latihan ketenteraan di Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA), Ulu Tiram, Johor benar-benar menguji. "Latihan pagi, petang, malam tanpa henti. Fizikal boleh tahan, tapi mental... itu lebih mencabar. Diajar supaya lasak, tepat masa dan setia pada pasukan," ujar beliau sambil tersenyum. Pengalaman lebih sedekad bersama KAGAT bukan sekadar membentuk disiplin, malah membuka peluang luar biasa. Prof. Azmil pernah mewakili Malaysia dalam Pertandingan Hafazan Peringkat Tentera "Organisation of Islamic Cooperation" (OIC) di Riyadh dan Tehran.

## KEJUTAN BUDAYA DI UNIVERSITI

Selepas menamatkan pengajian PhD di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2010. Tanggal 4 September 2011, beliau

menerima tawaran sebagai pensyarah kanan (DS51) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Hanya enam bulan selepas melapor diri, beliau sudah dilantik Ketua Jabatan Pendidikan Islam.

Namun, peralihan daripada tentera ke universiti tidak semudah disangka. "Dalam tentera, kita beri arahan semua ikut. Sampai di universiti, staf boleh berhujah dan berbincang. Mula-mula beliau mengalami kejutan budaya, tapi lama-lama saya belajar menghargai perbezaan itu," katanya bersahaja.

## MEMARTABATKAN PENDIDIKAN TAHFIZ

Sumbangan paling besar Prof. Azmil adalah perjuangannya dalam pendidikan tahfiz arus perdana. Bermula dengan pembentangan lantang di Konvensyen Pendidikan Islam Kebangsaan 2011, beliau mencabar Kementerian Pendidikan agar mewujudkan kurikulum tahfiz secara rasmi. Hasilnya? Tercetuslah penubuhan SMKA Tahfiz dengan nisbah guru-pelajar 1:10 yang kekal digunakan hingga kini.

Di UPSI, beliau mengorak langkah lebih jauh dengan menubuhkan Institut Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami (IPTTI). Program Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat dengan Pendidikan kini melahirkan graduan hafiz yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga mahir dalam pedagogi moden.

### AMANAH BESAR DI PERINGKAT NEGARA

Hari ini, Prof. Azmil memegang peranan penting sebagai:

- Pengerusi Akreditasi Tahfiz Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (MKI) di bawah Majlis Raja-Raja

### PELUANG PEKERJAAN UNTUK PELAJAR HAFIZ

Selanjutnya, Prof. Azmil menegaskan peluang utama lepasan tahfiz adalah dalam bidang pendidikan, khususnya apabila digabungkan dengan Ijazah Pendidikan Islam. Program seperti SMKA Tahfiz dan kurikulum Ulul Albab

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Negeri, Pejabat Mufti dan Majlis Agama Islam tetapi halangan besar ialah skim perjawatan. Contohnya, jika pelajar mengambil Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pendidikan Islam, mereka hanya layak masuk skim pendidikan (DG), tidak boleh menyertai skim pentadbiran agama (S). Oleh itu, Prof. Azmil mencadangkan 'monoculture program' ditambah baik agar graduan tahfiz boleh bekerja dalam kedua-dua skim iaitu pendidikan dan pentadbiran agama.

Bagi yang tidak cenderung ke arah akademik, peluang wujud melalui Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Bidang yang diiktiraf termasuk:

- Kemahiran Pengurusan Masjid - melayakkan mereka menjadi imam, muazin, atau pengurus masjid.
- Kemahiran Pengajaran Tahfiz - melayakkan mereka menjadi tenaga pengajar tahfiz di sekolah/institut swasta.
- Sijil ini diiktiraf Kementerian Sumber Manusia, menjadikannya laluan kerjaya formal meskipun tanpa SPM.
- 'Fast Track' SPM dan laluan profesional.



Beliau terlibat dalam dasar-dasar besar termasuk peluang 'fast track' SPM untuk pelajar tahfiz dan pengiktirafan "Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)" dalam bidang agama. "Graduan tahfiz mesti relevan dengan cabaran semasa. Mereka perlu celik teknologi, faham isu liberal dan sekular, dan mampu berdiri sebagai profesional berkelas dunia," tegas beliau.

membuka banyak jawatan guru. Guru J-QAF, SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan), dan sekolah tahfiz arus perdana memerlukan tenaga pengajar tahfiz. Namun, menurut Prof. Azmil, isu kebolehpasaran tetap wujud kerana bilangan jawatan guru adalah terhad, terutama apabila kuota sudah dipenuhi. Pelajar tahfiz juga berpeluang berkhidmat di agensi- agensi agama seperti di Jabatan

Ramai ibu bapa cenderung agar anak hafiz mereka juga bergelar profesional seperti doktor, jurutera, peguam, akauntan. Sehubungan dengan itu, KPM menyediakan 'fast track' SPM khas untuk pelajar tahfiz swasta. Dengan modul tuisyen yang ditaja, pelajar hafiz boleh mengambil SPM dalam tempoh singkat, seterusnya membuka jalan ke universiti dalam bidang profesional. Prof. Azmil memberi contoh imam Masjid Cyberjaya

yang juga seorang doktor merupakan simbol kejayaan model 'hafiz profesional'.

Ramai lepasan tahfiz memilih untuk membuka pusat tahfiz sendiri. Namun menurut Prof. Azmil, kerjaya ini sering menjadi 'kitar semula'. Ini kerana bekas pelajar tahfiz membuka sekolah tahfiz baharu tanpa bidang tambahan. Bagi mengelak kitaran sempit ini, beliau mencadangkan supaya pelajar diberi kemahiran tambahan melalui program akademik atau TVET supaya mereka boleh menceburi sektor lain selain mengajar hafazan.

Para hafiz juga mempunyai peluang kerjaya di sektor perbankan syariah dan kewangan Islam. Namun, bilangan jawatan terhad dan biasanya memerlukan asas syariah atau muamalat yang lebih mendalam. Oleh itu, pelajar tahfiz yang melanjutkan pengajian dalam bidang ini berpotensi menembusi sektor tersebut.

Ramai hafiz diberi keutamaan untuk menjadi imam di masjid utama, terutamanya di bandar besar. Prof. Azmil menekankan bahawa bacaan al-Quran orang Melayu diiktiraf indah, malah disenangi oleh jemaah antarabangsa. Ini menjadi nilai tambah dalam kerjaya sebagai imam.

Prof. Azmil menegaskan visi besar beliau ialah melahirkan para graduan tahfiz yang ada hala tuju yang jelas iaitu bukan sekadar hafal, tetapi juga berdaya saing sebagai tenaga profesional.





# Ts. Abdul Mueiz Rosli: Arkitek Inovasi Digital UPSI



## Oleh

Ahmad Zhafran bin Mohd Anuarul Azhar  
ahmadzhafran@upsi.edu.my

Kisah seorang anak jati Tanjong Malim yang memahat nama di persada inovasi pembangunan perisian bukanlah satu dongeng, tetapi realiti yang dibuktikan oleh Ts. Abdul Mueiz bin Rosli. Sebagai seorang Pegawai Teknologi Maklumat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), beliau bukan sahaja menjalankan tugas hakiki, malah mengemudi pasukannya mencipta perisian yang merevolusikan cara kerja. Di sebalik setiap inovasi yang dihasilkan, terukir sebuah cerita tentang ketekunan, dedikasi, dan cinta mendalam terhadap institusi yang

menjadi tempatnya menabur bakti. Kisah ini adalah tentang bagaimana seorang individu biasa, dengan semangat luar biasa, mampu membawa perubahan besar.

## **DARI IMPIAN KANAK-KANAK LAHIRNYA INOVASI**

Abdul Mueiz merupakan anak jati Tanjong Malim, Perak. Sejak kecil, kehidupannya sudah terikat rapat dengan UPSI. Bermula dengan pendidikan awal tadika di Masjid Jamek Tanjong Malim, beliau kemudiannya bersekolah di Methodist Tanjong Malim. Oleh kerana sekolahnya terletak berhadapan dengan UPSI, impian untuk berkhidmat di universiti ini telah berputik sejak awal. Hasrat ini menjadi lebih kuat apabila ibunya pernah meluahkan harapan agar beliau dapat bekerja di UPSI. Doa ibu yang suci itu termakbul, dan impian Abdul Mueiz untuk membina kerjaya di institusi yang dicintai sambil kekal dekat dengan keluarga tercinta akhirnya tercapai. Kini, beliau menikmati kehidupan berkeluarga bersama isteri dan dua orang anak, sambil menabur bakti di tempat

yang diimpikan. Komitmen ini mendorong beliau untuk melepaskan peluang pekerjaan dengan sebuah syarikat swasta yang gah dan dikenali, demi memastikan segala inovasi dan sistem yang dibangunkan memberi manfaat secara langsung kepada warga universiti. Beliau percaya, kekuatan sesebuah sistem terletak pada kemampuannya untuk menyelesaikan masalah dan memudahkan urusan orang ramai. Sikap murni ini terbukti melalui sumbangannya semasa pandemik COVID-19. Tanpa mengharapkan sebarang imbalan wang, beliau berinisiatif membangunkan aplikasi mudah alih bagi menguruskan pengagihan bakul makanan di Pejabat Daerah dan Tanah Teluk Intan. Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini membuktikan bahawa inovasi ICT bukan sahaja bermanfaat di kampus, tetapi juga di luar sana, sehingga mendapat perhatian serius daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

## **PERJALANAN PENDIDIKAN DAN PENGABDIAN**

Setelah menamatkan pendidikan awal, Abdul Mueiz meneruskan pengajian di sebuah Matrikulasi di Sungkai,



Perak. Beliau kemudiannya melanjutkan Ijazah Sarjana Pertama dalam bidang Sains Komputer, dengan major Sistem Komputer, di Universiti Putra Malaysia (UPM). Semasa menjalani latihan praktikal di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), hasrat beliau untuk berkhidmat dengan universiti awam tempatan semakin bertambah kukuh. Pengalaman ini memantapkan lagi tekadnya untuk menyumbang kepakaran demi kemajuan institusi pendidikan negara.

### **GEOATTENDANCE: SATU EVOLUSI INOVASI**

Pencapaian terbesar Abdul Mueiz setakat ini ialah pembangunan sistem GeoAttendance, sebuah sistem yang telah mengubah cara kehadiran direkodkan di universiti. Idea ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang baharu. Ia bermula seawal tahun 2015 apabila mantan CDO UPSI bertanyakan tentang alternatif kepada sistem *card reader* yang sedia ada. Walaupun prototaip awal yang diberi nama GLOAS (Geo Location Attendance System) tidak diteruskan, semangat inovasi itu tidak pernah pudar.

Idea ini dihidupkan semula semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apabila beliau diminta membangunkan sistem *work from home* menggunakan kod QR. Namun, dengan minda yang sentiasa

berfikir ke hadapan, beliau menyedari potensi penipuan. Maka, kod QR digantikan dengan pengesanan lokasi. Nama "GeoAttendance" pula dicadangkan sendiri oleh Naib Canselor Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff kerana beliau menyukai perkataan "Geo". Dengan pengesahan dan sokongan daripada Bahagian Sumber Manusia (BSM), sistem ini dilancarkan semasa Hari Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun lalu. Inovasi ini bukan sahaja memudahkan staf dan pelajar merekod kehadiran tanpa perlu beratur panjang atau menggunakan *card reader* yang sering bermasalah, malah juga mesra Orang Kelainan Upaya (OKU).

### **LALUAN BERLIKU SEORANG INOVATOR**

Namun, di sebalik kejayaan ini, ada cabaran dan pengorbanan yang dilalui. Abdul Mueiz berkongsi cabaran utamanya pada peringkat awal ialah proses pembelajaran, pengaturcaraan, terutamanya dalam pengekodan. Ini membuatkan pembangunan sistem memakan masa lebih panjang. Namun, beliau percaya bahawa semangat untuk sentiasa belajar dan beradaptasi dengan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) dan kit pembangunan perisian dari Google iaitu Flutter, adalah kunci kejayaan beliau. Beliau turut

mengakui bahawa berurusan dengan perubahan polisi dan meyakinkan unit-unit lain tentang manfaat inovasi adalah sesuatu yang memerlukan kesabaran tinggi.

Beliau juga memegang prinsip bahawa inovasi adalah sesuatu yang berisiko. Jika gagal, inovator akan dipersalahkan. Oleh itu, setiap pembangunan sistem, termasuk GeoAttendance, melalui proses pengujian yang ketat sebelum dipersembahkan.

### **PENGLIBATAN DAN BAKAT DALAM SENI SUARA**

Selain aktif dalam bidang inovasi, Abdul Mueiz juga merupakan seorang individu yang aktif dan berbakat. Beliau membuktikan kebolehan membahagikan masanya dengan cemerlang apabila turut menganggotai kumpulan nasyid Bitara Voices yang bertanding mewakili UPSI. Pada awalnya, kumpulan yang terdiri daripada lapan orang ini diberi nama D'Kesakti. Tidak berhenti di situ, beliau dan tiga rakan yang lain kemudiannya membentuk kumpulan nasyid BITaRa yang diberi nama oleh Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Masnan. BITaRa telah melancarkan dua single, di mana single pertama pernah menjuarai carta di radio IKIM FM selama beberapa minggu. Abdul Mueiz pada mulanya tidak terlibat dalam pembikinan

single pertama. Namun, beliau dipanggil kembali untuk bersama membikin single kedua setelah salah seorang ahli kumpulan mereka pergi meninggalkan mereka selamanya. Penglibatan beliau dalam bidang nasyid ini telah membawa beberapa pencapaian:

### **ANUGERAH NASYID**

Johan Pertandingan Nasyid Peringkat Negeri Perak Sempena Maulidur Rasul 1445H/2023M Jabatan Agama Islam Perak. Tempat Keempat Pertandingan Nasyid Peringkat Negeri Perak Sempena Maulidur Rasul 1447H/2025M Jabatan Agama Islam Perak.

Lain-Lain Penglibatan Nasyid: Mewakili Negeri Perak untuk Pertandingan Nasyid di Festival Kesenian Islam MAKSAK (FKIM) 2025 Anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAK) Jabatan Perdana Menteri.

Mewakili Negeri Perak untuk Pertandingan Acara Nasyid Kontemporari MAKSAK Islamic Carnival (MIC) 2023 Anjuran MAKSAK Malaysia Jabatan Perdana Menteri. Salah seorang ahli Kumpulan Nasyid BiTaRa (Bicara Tanpa Ragu) dalam Industri Nasyid Malaysia dan pernah dijemput temubual di radio IKIMFM untuk segmen Carta IKIMFM.

Persembahan-persembahan lain di dalam (Maulidur Rasul, Perhimpunan Bulanan UPSI, Konvokesyen) dan persembahan luar UPSI.

Gelombang Kemenangan dan Pengiktirafan Pasukan inovasi beliau yang bertanggungjawab membangunkan perisian GeoAttendance pula diberi nama I-Ray. Dengan semangat berpasukan yang tinggi, I-Ray terus melakar kejayaan demi kejayaan. Antara pencapaian mereka yang cemerlang:

Anugerah GeoAttendance:

- Pingat Emas di International Innovation ARSVOT Malaysia 2024 (IAM2024).
- Pingat Emas dan Johan Kategori Pentadbiran di Virtual Innovation Competition Exhibition (VICE 2024).
- Pingat Emas di International Education Innovation Competition (Edu@Innovate 2025).
- Pingat Emas dan Top 10 Projek Terbaik Kategori Profesional/Industri di 2nd International Development, Research and Innovation Exhibition.
- Pingat Emas dan 2 Special Award iaitu Top 5 Award (Ideator) dan Design Innovation Award di Kuala Lumpur International Invention, Innovation & Symposium 2025 (KL3IS 2025).
- Pingat Perak di Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti

- Awam (UA) Kali Ke-17.
- Tempat Ketiga Bidang Sosial (Kategori Terbuka) dan Poster Terbaik (Kategori Terbuka) di Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Perak 2024.
- Bukan itu sahaja, GeoAttendance telah mendapat perhatian antarabangsa. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah meluluskan pasukan ini untuk mewakili Malaysia ke pertandingan di Taiwan. Malah, sebuah universiti di Indonesia juga menunjukkan minat untuk menguji sistem ini. Sistem ini juga telah didemonstrasi kepada MIMOS dan Microsoft yang memberikan maklum balas positif, mengesahkan ia sesuai untuk digunakan secara meluas.
- Sebagai mengiktiraf sumbangan dan komitmen beliau, Abdul Mueiz juga telah menerima pelbagai anugerah individu, termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2017 dan 2024, Anugerah Pentadbir Gemilang (Inovasi Kejuruteraan / Teknologi Maklumat dan Komunikasi), Anugerah Inovasi Terbaik Pusat ICT 2022, dan Tokoh Kreatif dan Inovatif Pusat ICT 2024.

## VISI MASA DEPAN DENGAN AI

Abdul Mueiz mempunyai visi yang jelas untuk masa depan GeoAttendance. Beliau bercadang untuk mengintegrasikan AI ke dalam sistem ini bagi meningkatkan lagi kecekapan. AI akan digunakan untuk memberikan ramalan dan panduan kehadiran. Projek ini juga bakal dijadikan projek pengajian peringkat sarjananya, sekali gus membuktikan bahawa proses inovasi tidak pernah berhenti.

Kisahannya adalah bukti bahawa dengan semangat juang yang tinggi, kepakaran yang diasah, dan rasa sayang yang mendalam terhadap institusi, seseorang mampu membawa perubahan besar. Abdul Mueiz dan pasukannya adalah inspirasi, bukan hanya untuk warga UPSI, tetapi juga untuk semua yang percaya bahawa inovasi adalah kunci kepada kemajuan.





UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اونيزيسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ■ KELUARAN 8/2025 BIL. 24 ■

# Inspirasi